

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999
PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA
(TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA) 1999

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA
DI KANGAR
DI NEGERI PERLIS MALAYSIA
TUNTUTAN NO. : TTPM-R(P)-05-2023

ANTARA

MOHD KHAIROL BAZLI BIN LATEH

Pihak Yang Menuntut

DAN

ABU CONSTRUCTION
002062325-K

Pihak Penentang

ALASAN PENGHAKIMAN

Fakta kes :

Pihak Yang Menuntut (selepas ini dirujuk sebagai "PYM") telah melantik Pihak Penentang (selepas ini dirujuk sebagai "PP") untuk buat ubahsuai tambahan bilik dan tandas di rumah PYM. PYM dan PP telah memasuki perjanjian membina rumah bertarikh 26/01/2022. Kos yang dipersetujui sebanyak RM 40,000.00

PYM buat bayaran sebanyak RM 30,000.00 pada 18/01/2022 (rujuk surat akuan terima PP). PP telah memulakan kerja pada tarikh 19/01/202 dan akan disiapkan dalam masa 4 bulan. Kerja ubahsuai ikut pelan yang disediakan. PP telah melaksanakan kerja hingga peringkat 3 Jadual Bayaran Mengikut Progres sahaja. PP minta daripada PYM bayaran baki RM 10,000.00 PYM enggan buat bayaran kerana bayaran sepatutnya ikut peringkat kerja. PP kemudiannya telah membuat sebutharga baru untuk kos tambahan sebanyak RM 10,100.00 PYM tidak setuju dan tidak tandatangani dokumen sebutharga baru tersebut. Kerja pembinaan oleh PP telah terbengkalai dan telah disambung dan telah disiapkan oleh kontraktor lain yang dilantik oleh PYM.

Isu Berbangkit :

- 1) Berapakah peratusan kerja yang telah disiapkan oleh PP?
- 2) Adakah terdapat kerja tambahan yang diarahkan oleh PYM untuk dilakukan oleh pekerja PP?
- 3) Berapakah kos bayaran tambahan yang perlu dikeluarkan oleh PYM untuk menyiapkan kerja pembinaan PP yang telah terbengkalai?

Dapatan Keterangan Utama :

Merujuk kepada gambar yang dikemukakan oleh PP, terdapat beberapa kerja tambahan yang telah dilakukan ke atas binaan rumah PYM yang tidak termasuk dalam perjanjian binaan dengan PP. Sebutharga baru kos membuat kerja tambahan ini telah dikeluarkan oleh PP tetapi tidak dipersetujui oleh PYM.

PYM telah mengemukakan 2 sebutharga daripada One Power Enterprise berjumlah RM 9,766.40 dan daripada Tekad Pesona Enterprise berjumlah RM 10,876.80 untuk menyiapkan kerja binaan ubahsuai rumah PYM.

PYM ada beli barang-barang pembinaan sendiri semasa PP jalankan kerja ubahsuai kerana PP tak beli untuk pekerjaanya.

Merujuk kepada jadual bayaran mengikut progress dalam perjanjian bertulis antara PYM dan PP, kerja PP dah sampai peringkat 3 tetapi bumbung belum disiapkan.

Keputusan Tribunal :

PYM telah berjaya membuktikan tuntutan atas imbalan kebarangkalian.

AWARD BORANG 10

PP dikehendaki membayar kepada PYM sebanyak RM 10,000.00 dalam tempoh 14 hari dari tarikh serahan Award B10.

Alasan :

- 1) Tribunal tidak membenarkan keseluruhan tuntutan PYM terhadap PP sebanyak RM 50,000 kerana ada kerja tambahan yang PYM minta pekerja PP buat tanpa terlebih dahulu dimaklumkan kepada PP.

- 2) Sebutharga baru kos membuat kerja tambahan ini telah dikeluarkan oleh PP. Setiap kerja tambahan telah diperincikan oleh PP dengan harga yang dikenakan untuk setiap kerja yang berkaitan.
- 3) Lampiran 2 Pernyataan Pembelaan PP (Borang 2) mengandungi 9 keping gambar yang menunjukkan kerja-kerja tambahan yang telah dibuat oleh pekerja PP atas arahan PYM.
- 4) Dalam jadual bayaran mengikut progress dalam perjanjian bertulis antara PYM dan PP, tidak dinyatakan dengan jelas nilai harga untuk setiap peringkat kerja yang dilakukan oleh PP. Cuma harga keseluruhan sebanyak RM 40,000.00 sahaja yang diletakkan oleh PP di dalam jadual tersebut. Keadaan ini menimbulkan kekeliruan dan menyukarkan untuk menentukan nilai harga progress kerja yang telah dilakukan oleh PP.
- 5) Berdasarkan keterangan di hadapan Tribunal, progress kerja PP sudah sampai peringkat 3 tetapi bumbung masih belum dipasang.
- 6) Berdasarkan 2 sebutharga yang dikemukakan oleh PYM untuk kos menyiapkan kerja binaan ubahsuai rumah PYM daripada One Power Enterprise berjumlah RM 9,766.40 dan daripada Tekad Pesona Enterprise berjumlah RM 10,876.80, Tribunal memutuskan kerja yang telah dibuat oleh PP tidak mencapai tahap 60% seperti yang didakwa oleh PP.
- 7) PYM ada membeli barang-barang pembinaan sendiri semasa PP menjalankan kerja ubahsuai kerana PP tidak beli untuk pekerjanya. Namun demikian pembelian barang untuk pemasangan paip dalam rumah PYM tidak termasuk dalam perjanjian ubahsuai.

- 8) Kegagalan PP untuk menyiapkan kerja ubahsuai rumah PYM setelah menerima bayaran sebanyak RM 30,000.00 daripada PYM mengakibatkan PYM terpaksa melantik kontraktor baru untuk menyiapkan kerja ubahsuai rumah PYM.

- 9) Rujukan juga telah dibuat kepada gambar-gambar binaan ubahsuai rumah PYM yang dirakam pada 01/07/2022 sebanyak 18 keping sebelum Tribunal memutuskan bahawa PP dikehendaki membayar kepada PYM sebanyak RM 10,000.00

Bertarikh pada 12/03/2024.

HAIROL AZAM HASSAN

.....

Presiden

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia